

08 SEP 1997

Ramli-Exco

KERAJAAN PERAK LANTIK EXCO BARU DARI MIC

KAMPUNG GAJAH, 8 Sept (Bernama) -- Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Hutan Melintang, Datuk G. Rajoo dilantik sebagai anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) yang baru.

Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib yang mengumumkan perlantikan itu hari ini berkata, Rajoo akan memegang portfolio Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Masyarakat.

Rajoo, 50, yang menjadi wakil rakyat kawasan Hutan Melintang sejak tahun 1990, akan mengangkat sumpah dan menerima wafiah perlantikan dari Sultan Perak, Sultan Azlan Shah pada satu istiadat di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar Khamis ini.

Kali terakhir wakil MIC dilantik sebagai anggota Exco negeri ialah pada tahun 1969.

Ramli berkata, perlantikan itu tidak membabitkan rombakan besar-besaran tugas lapan anggota Exco sedia ada kecuali memindahkan tugas dua anggota Exco yang kini dibebani tanggungjawab yang berat.

Bidang tugas Hal Ehwal Pengguna kini dipegang oleh Chang Ko Youn yang turut bertanggungjawab mengenai Hal Ehwal Perbandaran dan Kerajaan Tempatan manakala portfolio Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat dipikul oleh Datuk Mazidah Zakaria yang turut bertanggungjawab mengenai Kebudayaan, Pelancongan dan Hal Ehwal Wanita.

Ramli berkata, Rajoo akan turut dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas untuk merangka dan melaksanakan program-program pembangunan kekeluargaan bagi membimbing kanak-kanak dan remaja daripada terjebak ke dalam gejala sosial.

Sementara itu, Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu menyifatkan perlantikan Rajoo sebagai satu "petanda baik dan pengiktirafan" kepada MIC dan masyarakat India.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, berkata di Kuala Lumpur bahawa MIC berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib.

Beliau berkata Ramli mengakui bahawa wakil masyarakat India sangat berkurangan dalam kerajaan negeri.

"Kami (MIC) kehilangannya (kerusi exco) selepas pilihan raya umum 1969 dan selepas 28 tahun, kami mendapatkannya semula," katanya.

Pengerusi MIC Perak Datuk K.Kumaran yang juga Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar berkata seluruh masyarakat India di Perak menyambut baik perlantikan itu.

"MIC Perak menanti selama 28 tahun untuk mendapat peluang bagi turut serta dalam pentadbiran negeri," katanya. -- BERNAMA

LAT ES MOK AKD